

Terengganu waspada banjir gelombang kedua

KUALA TERENGGANU – Penduduk di negeri ini diingatkan agar sentiasa berjaga-jaga bagi menghadapi kemungkinan berlakunya banjir gelombang kedua.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Terengganu (JPBBNT), Datuk Mazlan Ngah berkata,

petugas keselamatan turut diletakkan dalam keadaan bersiap sedia terhadap bencana tersebut.

“Kita tidak pasti bila gelombang kedua akan berlaku tetapi saya harap penduduk tidak leka dan sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada bilik gerakan banjir,” katanya selepas majlis pelepasan peserta Cabaran Rainforest 2011 di Pulau Wa-

risan dekat sini kelmarin.

Mazlan menambah, pihaknya cukup berpuas hati dengan gerak kerja yang dilakukan sebelum ini apabila kesemua mangsa banjir selamat dan berjaya dipindah-

kan ke pusat pemindahan.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan perun-

KERATAN Kosmo!

25 November 2011.

tukan kira-kira RMI juta untuk

bantuan mangsa banjir masih ada dan akan digunakan jika banjir kali kedua melanda.

Dalam kejadian banjir gelombang pertama yang melanda negeri ini pada 21 November lalu, hampir 3,000 mangsa daripada lebih 674 keluarga telah dipindahkan ke 43 pusat pemindahan.

